

PELUANG KERJAYA

Kolej Poly-Tech MARA Sdn. Bhd. (KPTMSB) mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang berintegriti, komited dan berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan di Kolej Poly-Tech MARA.

PENGATURCARA KOMPUTER (JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT, KPTM IBU PEJABAT)

SYARAT KELAYAKAN

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Kepujian Bahasa Malaysia (termasuk Lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- iii. Mempunyai sekurang-kurangnya Diploma dalam bidang Sains Komputer atau bidang berkaitan;
- iv. Sekurang-kurangnya 2 tahun pengalaman kerja dalam bidang berkaitan;
- v. Mesti mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam Net Framework, ASP.Net, C#, HTML5, JavaScript, XML. CSS, MySQL dan SQL Server;
- vi. Pengalaman dalam PHP, AJAX, Crystal Report dan Reka Bentuk Web adalah satu kelebihan;
- vii. Kemahiran dalam kerja berpasukan dan mempunyai kemahiran analisis dan penyelesaian masalah yang baik;
- viii. Mempunyai sikap positif dan mampu bekerja tanpa pengawasan;
- ix. Boleh berkomunikasi dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

DESKRIPSI KERJA

- Membuat kajian awal sistem, pengumpulan data yang diperlukan dan menterjemahkan definisi masalah ke dalam bentuk aturcara serta menerapkan pelaksanaan analisis, rekabentuk, pengujian sistem yang dibangunkan.
- Membantu menguruskan dan mengendalikan maklumbalas pengguna dan kebolegunaan sistem sedia ada serta memberi cadangan untuk penambahbaikan secara berterusan.
- Mengendalikan senggaraan pengaturcaraan (*programming*) bagi sistem-sistem sedia ada.
- Menyenggara sistem/program sedia ada dan melaksanakan pembetulan apabila sistem/program gagal atau apabila ralat dikesan dalam sistem.
- Menganalisis output program dan melakukan perubahan atau pembetulan seperti yang diperlukan oleh pengguna.
- Menyimpan rekod terperinci mengenai semakan dan pengubahsuaian program/sistem.

- Membantu pelaksanaan sistem, menyediakan latihan sistem dan dokumentasi berkaitan sistem dan manual pengguna.
- Membantu membuat data pendua (*backup*) bagi server aplikasi yang digunakan.
- Membantu mengumpul data di dalam sistem untuk membantu jabatan menghasilkan laporan yang diperlukan dari masa ke semasa.

PERMOHONAN

Calon-calon yang memenuhi kriteria seperti di atas adalah dipelawa untuk mengemukakan permohonan dengan melampirkan salinan dokumen yang **disahkan** seperti berikut:

- Keterangan peribadi (resume) dan gambar terkini berukuran pasport
- Salinan kad pengenalan
- Salinan sijil kelahiran
- Salinan sijil-sijil akademik yang berkaitan

Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar kepada:

recruitment@gapps.kptm.edu.my

Tarikh Tutup Permohonan : 02 Januari 2020

www.kptm.edu.my

- **Hanya calon yang disenarai pendek akan dimaklumkan untuk sesi temuduga**
- **Pemohon yang tidak menerima jawapan dalam tempoh satu bulan selepas iklan ditutup harus menganggap permohonan mereka tidak berjaya**